

# KEDUTAAN, KOMUNITI PERNIAGAAN JERMAN HULUR SUMBANGAN

Oleh : Haniza Abdul Latif  
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERAKAS**, Sabtu, 2 Oktober. - Bersempena dengan Hari Penyatuan Republik Persekutuan Jerman Ke-31 (31st Day of German Unity), Kedutaan Republik Persekutuan Jerman dan Komuniti Perniagaan Jerman di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Projek Sumbangan Secara Pandu Lalu (Drive Through Donation Project), yang diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir bagi menerima sumbangan tersebut, Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Turut hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke NBD, Puan Yang Terutama Gerda Winkler; dan Ketua Unit Sumbangan Pandu Lalu Sukarelawan Belia, Pengiran Mohamad Al-Nizar bin Pengiran

Azahari.

Sumbangan - sumbangan berkenaan dihulurkan kepada mereka yang memerlukan, khususnya yang terkesan dengan pandemik COVID-19 dan pekerja-pekerja asing berupa pek makanan, termasuk beras; minyak masak; gula; beberapa jenis minuman; makanan-makanan kering; dan barangan keperluan, seperti lampin bagi anak damit.

Projek Sumbangan Secara Pandu Lalu itu merupakan salah satu projek yang dilaksanakan, di samping sumbangan individu yang dibuat oleh Ahli Komuniti Perniagaan Jerman sejak 16 bulan yang lalu.


Hari Penyatuan Republik Persekutuan Jerman diraikan bagi memperingati perpaduan nasional dalam mengakhiri perpecahan selama berpuluh-puluh tahun, iaitu semasa tembok yang dibina pada 1961 menembusi Jerman dan negara-negara Eropah serta seluruh dunia setelah beberapa dekad.



**SETIAUSAHA** Tetap (Kemasyarakatan dan Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menerima sumbangan daripada Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman ke Negara Brunei Darussalam pada Projek Sumbangan Secara Pandu Lalu tersebut.

## Bimbing masyarakat memahami, menghayati Al-Quran

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali



**PROGRAM** Tadabbur Al-Quran Sesi Oktober 2021M ini diadakan pada setiap Ahad, bermula jam 8.30 pagi hingga 10.00 pagi (1 jam 30 minit) selama enam minggu secara dalam talian melalui aplikasi Zoom.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 3 Oktober. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pusat Kepimpinan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PKPSH) menawarkan Program Tadabbur Al-Quran Sesi Oktober 2021M kepada orang ramai.

Program Tadabbur Al-Quran Sesi Oktober ini diadakan pada setiap Ahad, bermula jam 8.30 pagi hingga 10.00 pagi (1 jam 30 minit) selama enam minggu secara dalam talian melalui aplikasi

Zoom.

Pada Sesi Oktober ini, satu modul dibukakan untuk para peserta, iaitu Modul Surah Al-Mulk dan Al-Sajdah. Seramai 57 orang peserta menyertai program ini yang terdiri daripada orang-orang persendirian; pelajar; pegawai dan kakitangan kementerian.

Tenaga pengajar bagi program ini ialah Pensyarah di Fakulti Usuluddin, Dr. Haji Muhammad Zakir Husain. Adapun tujuan Program Tadabbur Al-Quran ini

husus diadakan adalah untuk membimbing masyarakat awam dalam memberikan kefahaman dan penghayatan kepada Al-Quran melalui rujukan dan kitab-kitab tafsir yang muktabar.

Ini selaras dengan konsep Negara Zikir dan rakyat celik Al-Quran sepertimana yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



# BRUNEI

**BAWA BERTENANG**

**TERANAH DI RUMAH**

**UBAYA-UBAYA**

## Hulur sumbangan menerusi UBD COVID-19 Donation Drive

Oleh : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 3 Oktober. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan UBD COVID-19 Donation Drive bertujuan untuk memberikan sokongan kewangan kepada Tabung COVID-19 Relief Fund.

Orang ramai, khususnya kakitangan, pelajar dan alumni UBD dialu-alukan untuk menghulurkan sumbangan berkenaan sebelum 16 Oktober ini melalui Tabung UBD, iaitu dengan menggunakan kemudahan perbankan internet Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) atau melalui pemindahan dalam talian bagi pemilik akaun di bank lain.

Sumbangan dana dengan menggunakan perbankan internet BIBD boleh disalurkan ke akaun UBD Endowment Fund dengan meletakkan rujukan pertama COVID-19 Relief Fund dan rujukan kedua, nama penderma.

Manakala sumbangan secara pemindahan dalam talian boleh dibuat dengan nama akaun Tabung UBD; nombor akaun 00-001-01-0055165; dan nama bank Bank Islam Brunei Darussalam.

Kutipan dana tersebut akan disalurkan ke Tabung COVID-19 Relief Fund bagi membantu pihak kerajaan, terutama Kementerian Kesihatan membeli peralatan dan keperluan dalam usaha menangani penularan jangkitan COVID-19 di negara ini.

Bagi maklumat lanjut mengenai *donation drive* ini, orang ramai boleh menghubungi talian +673 8801000.